

5 ditawarkan sertai semula UM - 3 DEC 1988 MT

KUALA LUMPUR 2 Dis. — Lima orang bekas ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO hari ini ditawarkan untuk menduduki semula jawatan yang dimenangi oleh mereka dalam perhimpunan agung tahun lalu.

Mereka itu ialah bekas Menteri Kebajikan, Datuk Shahrir Abdul Samad, bekas Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, bekas Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Paduka Hajah Rahmah Osman, bekas Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Zainal Abidin Zin dan Hajah Marina Yusof.

Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengumumkan demikian selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO di Menara Datuk Onn di sini menegaskan, mereka bagaimanapun mestilah menyertai UMNO baru terlebih dahulu.

① Oleh Rozaid Abdul Rahman

Beliau berkata, jempunan untuk menduduki semula kerusi MT itu dibuat berasaskan kehendak ahli-ahli UMNO dalam perhimpunan agung, April tahun lalu.

“Oleh kerana mereka telah dipilih oleh perwakilan dalam pemilihan 1987 lalu, jadi mereka berhak untuk menduduki semula kerusi MT,” tegas Dr. Mahathir lagi.

Dalam sidang akhbaranya, Dr. Mahathir berkata, surat jempunan rasmi akan dikirim kepada kelima - lima tokoh tersebut oleh Setiausaha Agung UMNO.

Beliau berkata, walaupun MT telah memutuskan untuk menjemput kelima - lima pemimpin itu menyertai semula MT tetapi mereka masih belum menduduki kerusi tersebut kerana belum lagi menjadi ahli.

Katanya, MT UMNO yang bersidang hari ini setuju mereka terus menjadi ahli MT sebaik sahaja menjadi ahli UMNO.

LIHAT MUKA 2

5 ditawarkan sertai semula MT

Menjawab soalan para pemberita Dr. Mahathir berkata, beliau berharap jemputan tersebut diterima dengan ikhlas kerana MT sendiri mahukan kelima - lima mereka terus berkhidmat sebagai ahli MT dan ahli UMNO.

Kita sendiri mahu mereka terus berjuang bersama kita dan kita tidak mahu mereka meninggalkan UMNO ini.

"Bagaimanapun kalau mereka menolak jemputan itu apa boleh kita

buat?" kata beliau.

Dr. Mahathir menambah, beliau juga telah menerima surat jawapan Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam berkenaan jawatan menteri tak berportfolio yang telah ditawarkan kepada mereka tempoh hari.

Dalam surat jawapannya Tengku Razaleigh menjawab dengan jelas bahawa beliau menolak pelawaan tersebut tetapi Datuk Musa tidak memberi satu keputusan yang

jelas.

Datuk Musa tidak mengatakan bahawa beliau menolak pelawaan saya itu cuma beliau memberi pendapat dan merujuk kepada memorandum cendekiawan Melayu.

"Soalnya, saya tidak tahu maksud sebenar Datuk Musa, tidak seperti Tengku Razaleigh yang secara terang memberitahu beliau tidak mahu menerima pelawaan tersebut," katanya.

Bagaimanapun, kata beliau, tawaran untuk mereka berdua masih terbuka.

MT UMNO juga hari ini telah meluluskan bahawa mereka yang memohon untuk menjadi ahli sebelum 31 Disember tahun ini akan dianggap sebagai layak untuk menghadiri mesyuarat agung cawangan dan bahagian yang akan diadakan selewat - lewatnya menjelang April tahun depan.

Kata Dr. Mahathir, sebuah jawatankuasa organisasi akan meneliti dan menimbang kes-kes tertentu mengenai ahli yang layak menyertai mesyuarat agung cawangan dan bahagian seperti nama-nama yang terdicir dari senarai dan sebagainya.

Kata Dr. Mahathir, mesyuarat Pemuda dan Wanita akan berjalan selepas mesyuarat agung cawangan selesai.